

Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (Entrepreneurial Career Aspirations Among IPTA Students)

NORFADHILAH NASHARUDIN & HALIMAH HARUN

ABSTRAK

Kajian ini adalah berujuan untuk mengenal pasti aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) serta faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan. Soal selidik dengan skala Likert 5 markat telah diedarkan kepada 420 responden dari tiga buah IPTA iaitu Universiti Utara Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia. Dapatan menunjukkan secara keseluruhannya pelajar IPTA masih belum berminat untuk menjadi usahawan walaupun lebih 80 peratus menunjukkan sikap positif terhadap kerjaya usahawan. Walau bagaimanapun, pelajar IPTA mempunyai tahap ciri keusahawanan yang tinggi, kecuali ciri keusahawanan berani mengambil risiko. Antara faktor yang menyumbang kepada pemilihan kerjaya keusahawanan adalah orientasi keuntungan dan keinginan untuk mendapat kecemerlangan hidup. Dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya korelasi yang positif dan signifikan antara ciri keusahawanan, sikap terhadap kerjaya keusahawanan dan minat terhadap kerjaya keusahawanan. Kajian juga mendapati faktor bangsa, keluarga dan bidang pengajian pelajar menyumbang kepada pemilihan kerjaya keusahawanan. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan dikemukakan sebagai panduan dalam usaha untuk mencetuskan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar IPTA. Untuk menjayakan hasrat tersebut, semua pihak termasuk pelajar, universiti, pensyarah, kementerian, ibu bapa dan masyarakat harus bertanggungjawab dalam menyedari dan meyakini kerjaya keusahawanan sebagai satu kerjaya yang boleh dijadikan satu peluang pekerjaan selepas tamat pengajian.

Kata kunci: Keusahawanan, kerjaya, pelajar IPTA, pendidikan perniagaan dan keusahawanan, pendidikan tinggi

ABSTRACT

The objective of this research was to identify the students entrepreneurial career aspirations in the public institutions of higher education. The research also was designed to determine the factors that influence the entrepreneurial career aspirations of the students. A set of questionnaires were distributed to 420 respondents from three universities namely, Universiti Utara Malaysia, Islamic International University of Malaysia and Universiti Teknologi Malaysia. The findings showed majority of the students were not interested to become entrepreneur eventhough more than 80 percent of them have positive attitude towards entrepreneurship. Profit-orientation factor and the needs to have a successful life are the dominant factors that influenced the students towards entrepreneurial career. However, the entrepreneurial characteristics of the students was high, except for the willingness to take risks. The finding also showed that there are a positive and significant correlations between entrepreneurial characteristics, interest towards entrepreneurial career and attitude towards students entrepreneurial career aspirations. These findings concluded that races, educational fields and family members are considered as the factors that contributed to the students entrepreneurial career aspirations. Based on the findings, several ways are suggested to inspire the entrepreneurial career among the students in the public higher education. Therefore, the students, the universities, lecturers, the ministry, parents and the public are responsible in realizing and believing that the entrepreneurial career is a career option once graduated.

Keywords: Entrepreneurship, career, IPTA students, business and entrepreneurship education, higher education

PENGENALAN

Kerjaya merupakan satu perkara penting untuk difikirkan oleh setiap individu kerana kehidupan masa hadapan seseorang berkait rapat dengan bidang kerjaya yang dipilihnya. Pemilihan kerjaya adalah suatu proses yang berterusan bermula dengan persepsi kanak-kanak terhadap dunia pekerjaan dan kemudiannya berkembang hingga ke

peringkat remaja dan awal dewasa (Tolbert 1974). Aspirasi atau cita-cita menjadi daya penggerak yang pertama ke arah sesuatu bidang kerjaya yang diinginkan.

Malaysia sedang mengubah keadaan masyarakat daripada masyarakat yang bergantung kepada kerajaan kepada masyarakat yang bekerja sendiri. Kerajaan menyarankan agar masyarakat membuat kerja sendiri dengan tidak mengharapkan bantuan orang lain untuk

menyara diri dan keluarga. Ini bermaksud kerajaan secara tidak langsung telah menggalakkan masyarakat untuk berniaga dan menjadi usahawan. Dengan adanya usahawan dalam bidang perniagaan dapat menambahkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia, maka budaya makan gaji dapat dikurangkan dengan kewujudan usahawan dalam pasaran pekerjaan.

Untuk menjadi seorang usahawan, seseorang individu itu perlu tahu ciri usahawan yang efektif dan efisien sebelum menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Seseorang usahawan muncul bukan kerana memiliki ciri-ciri personaliti semulajadi atau dilahirkan, tetapi kerana pelbagai faktor lain dan boleh dilatih (Zaidatul Akmaliah 1998). Di samping itu, menurut Hisrich (2000), kerjaya keusahawanan dipengaruhi oleh latar belakang pekerjaan ibu bapa seseorang usahawan dan keluarga memainkan peranan dalam menggalakkan kredibiliti keusahawanan sebagai satu kerjaya. Ini disokong oleh Nor Aishah (2002) yang mendapati wujudnya perkaitan yang agak kuat antara kerjaya keluarga dengan pemilihan kerjaya usahawan.

Justeru, kajian ini dilaksanakan dalam kalangan pelajar IPTA bagi melihat adakah bidang keusahawanan menjadi pilihan mereka. Pelajar merupakan golongan yang diharapkan dapat mencorak negara pada masa hadapan. Mereka mempunyai pelbagai kepakaran daripada segi ilmu pengetahuan yang dipelajari di peringkat tinggi dan ilmu tersebut sangat berguna jika dapat disalurkan ke arah yang betul dan boleh dimanfaatkan oleh generasi lain. Galakan perlu diberikan kepada pelajar ke arah keusahawanan kerana golongan ini berpotensi menjadi usahawan yang berjaya. Pendedahan perlu diberikan kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Sikap, minat dan persepsi mereka terhadap kerjaya keusahawanan harus diperbetul agar keusahawanan dipilih sebagai salah satu peluang pekerjaan selepas mereka menamatkan pengajian.

MASALAH KAJIAN

Keusahawanan bukanlah dilihat sebagai satu kerjaya seperti jurutera, arkitek atau juruukur yang mempunyai status di mata masyarakat (Rohaizat 2002). Ini dibuktikan dengan senario yang berlaku dalam ekonomi negara sejak Rancangan Malaysia Pertama lagi iaitu:

1. Pemilikan ekuiti Bumiputera dalam ekonomi belum berjaya mencapai matlamat 30% DEB. Ini adalah kerana kaum Bumiputera merupakan antara mereka yang paling teruk terjejas semasa krisis ekonomi pada tahun 1997/1998. Pada masa ini, Bumiputera hanya memiliki 19.1% daripada ekuiti korporat. Namun peratusan tersebut hanya mewakili sektor kerajaan dan bukannya daripada sumbangan individu (Malaysia 1980).
2. Guna tenaga dan penyertaan Bumiputera dalam sektor perdagangan adalah rendah dan tidak setanding dengan kaum bukan Bumiputera. Sebaliknya kaum Bumiputera lebih cenderung menyertai sektor pertanian, pembuatan dan lain-lain kegiatan ekonomi

tetapi tidak dalam sektor perniagaan dan keusahawanan. Kaum Bumiputera juga lebih berminat untuk menjadi pekerja sektor awam (kerajaan) berbanding sektor swasta (Malaysia 1990).

3. Kadar pengangguran semakin meningkat. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti kadar pemberhentian pekerja swasta meningkat. Peluang pekerjaan menjadi terhad apabila sektor swasta mengambil langkah berjimat-cermat. Ramai graduan lepasan universiti menjadi penganggur berijazah teramai termasuklah graduan IPTA. Bilangan penganggur Bumiputera adalah yang paling ramai berbanding graduan bukan Bumiputera sedangkan mereka terlatih dalam bidang kejuruteraan, sains dan kemasyarakatan. Ini adalah kerana graduan bukan Bumiputera lebih mudah diserapkan ke dalam perniagaan milik keluarga mereka (Halimah 2001).

Mungkinkah permasalahan-permasalahan yang dinyatakan berpunca daripada sistem pendidikan negara? Mungkinkah kurang pendedahan tentang budaya keusahawanan sejak dari peringkat sekolah berterusan hingga ke peringkat universiti atau adakah tiada penekanan dan galakan untuk mengiktiraf keusahawanan sebagai satu peluang kerjaya atau adakah kurikulum yang diserapkan terlalu *exam-oriented*, teoritik, mekanistik dan terlalu fokus?

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspirasi kerjaya dalam bidang keusahawanan dan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar IPTA. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan: (1) Sebab-sebab pelajar memilih kerjaya keusahawanan sebagai aspirasi kerjaya masa depan mereka; (2) Faktor-faktor yang menggalakkan pelajar memilih kerjaya keusahawanan; (3) Tahap ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar; (4) Terdapat hubungan yang signifikan antara minat terhadap kerjaya keusahawanan dengan ciri-ciri keusahawanan, sikap terhadap kerjaya keusahawanan, bangsa dan ahli keluarga peniaga; (5) Sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara sikap terhadap kerjaya keusahawanan dengan ciri keusahawanan; (6) Sama ada terdapat perbezaan minat terhadap kerjaya keusahawanan antara pelajar berlainan jantina, bangsa, jurusan pengajian dan ahli keluarga peniaga.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Maklumat yang diperolehi meliputi profil responden seperti jantina, bangsa, jurusan pengajian, pilihan keusahawanan sebagai kerjaya dan alasan, kursus keusahawanan yang pernah dihadiri, minat dan sikap terhadap kerjaya keusahawanan, latar belakang pekerjaan ibu bapa, pendapatan ibu bapa dan ahli keluarga peniaga. Selain itu, para pelajar diminta memberi maklumat tentang faktor-faktor utama yang

mempengaruhi mereka dalam memilih kerjaya keusahawanan, ciri keusahawanan yang dimiliki, minat dan sikap mereka terhadap kerjaya keusahawanan. Item-item soal selidik menggunakan skala Likert 5 poin dengan skor (1) Sangat tidak setuju, (2) Kurang setuju, (3) Setuju, (4) Sangat setuju dan (5) Sangat-sangat setuju. Bagi pengiraan maklumat profil responden, statistik deskriptif (peratus dan frekuensi) digunakan, manakala bagi item faktor-faktor pemilihan, respon 'mempengaruhi dan sangat mempengaruhi' digabungkan dan respons 'tidak mempengaruhi' dikekalkan. Bagaimanapun, untuk tahap ciri keusahawanan, interpretasi berikut digunakan; tahap

lemah (min 1.00 hingga 2.33), tahap sederhana (min 2.34 hingga 3.66) dan tahap tinggi (min 3.67 hingga 5.00) digunakan. Analisis korelasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian, manakala ujian-t dan analisis ANOVA. Satu Hala digunakan untuk analisis perbezaan antara pemboleh ubah kajian.

Seramai 420 orang pelajar dari tiga buah universiti awam iaitu Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah dipilih sebagai sampel kajian. Jadual 1 menunjukkan profil responden.

JADUAL 1. Profil Responden Kajian

Item	Frekuensi	Peratus
Jantina		
Lelaki	169	40.2
Perempuan	251	59.8
Bangsa		
Melayu	280	61.9
Cina	111	26.4
India	21	5.0
Lain-lain	28	6.7
Jurusan Pengajian		
Teknikal	139	33.1
Bukan Teknikal	281	66.9
Kursus Keusahawanan		
Pernah Hadiri	139	33.1
Tidak Pernah Hadiri	281	66.9
Minat Terhadap Kerjaya Keusahawanan		
Ya	247	58.8
Tidak	173	41.2
Sikap terhadap kerjaya keusahawanan		
Ya	339	80.8
Tidak	81	19.2

DAPATAN KAJIAN

Laporan dapatan kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu: (1) Minat pelajar terhadap kerjaya usahawan, (2) Faktor-faktor mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan, (3) Tahap ciri keusahawanan, (4) Analisis korelasi Pearson, (5) Analisis ujian-t dan analisis ANOVA satu hala.

MINAT PELAJAR TERHADAP KERJAYA KEUSAHAWANAN

Dapatan kajian menunjukkan pelajar IPTA masih belum menunjukkan minat untuk menjadi usahawan yang mana hanya 58.8% (Jadual 1) sahaja menyatakan minat mereka. Peratusan ini masih kecil sedangkan berbagai-bagai program telah dijalankan di peringkat universiti sama

ada dari segi kurikulum keusahawanan dan kokurikulum. Ini menunjukkan pelajar IPTA masih menyimpan hasrat untuk bekerja makan gaji apabila tamat pengajian mereka. Walaupun majoriti pelajar bersikap positif terhadap kerjaya usahawan (80.8%), tetapi sikap tersebut tidak dapat mempengaruhi mereka untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Minat pelajar yang rendah terhadap kerjaya keusahawanan dapat dilihat daripada dapatan kajian yang menunjukkan tidak ramai pelajar IPTA yang mengikuti kursus keusahawanan (hanya 33% pernah hadir kursus) sama ada yang dijalankan di peringkat universiti ataupun pihak luar. Sedangkan pihak universiti dengan bantuan dana dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) banyak menyediakan peluang kursus untuk pelajar menjadi usahawan secara percuma.

FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI PEMILIHAN
KERJAYA KEUSAHAWANAN

Pelajar-pelajar IPTA diminta menyatakan faktor-faktor mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan. Secara keseluruhannya, majoriti responden menyatakan bahawa faktor yang berorientasikan keuntungan dan faktor ingin mendapat kecemerlangan dalam hidup adalah merupakan faktor yang sangat mempengaruhi mereka, iaitu sebanyak 81% dan 80% (Jadual 2). Manakala faktor-faktor lain seperti kebebasan, pencapaian diri, matlamat hidup, punca pendapatan lumayan, ingin berkhidmat kepada masyarakat, peluang pekerjaan, sumber kekayaan, *role model* usahawan berjaya, status, minat, kerja sampingan, sokongan kerajaan, jaringan rakan, tarikan ahli keluarga, pengetahuan dan kemahiran keusahawanan yang ada, pengalaman lepas serta pengaruh pasangan hidup juga merupakan faktor yang mempengaruhi responden dalam pemilihan kerjaya keusahawanan, iaitu sebanyak 78% hingga 60.5%. Ini bermakna faktor tarikan luar universiti

lebih mempengaruhi pemilihan kerjaya sebagai usahawan berbanding faktor tarikan dalaman universiti. Faktor tarikan dalaman universiti seperti pendedahan subjek keusahawanan, rakan sebaya di universiti, kursus keusahawanan yang pernah dihadiri, pengalaman lepas dalam bidang keusahawanan dan aktiviti keusahawanan anjuran universiti kurang menarik minat pelajar semasa membuat pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar yang dikaji iaitu di antara 51% hingga 60%. Ini bermakna persekitaran universiti kurang kondusif dan menggalakkan pelajar memilih bidang keusahawanan sebagai satu aspirasi kerjaya masa hadapan. Selain itu, faktor pensyarah dan latihan amali adalah antara faktor yang tidak mempengaruhi mereka membuat pemilihan kerjaya sebagai usahawan iaitu hanya sebanyak 51.2% dan 50.2% sahaja. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan faktor-faktor luaran universiti lebih mempengaruhi responden daripada faktor tarikan dalaman universiti dalam mencetuskan aspirasi kerjaya sebagai usahawan.

JADUAL 2. Faktor-faktor Pemilihan Kerjaya Usahawan dalam Kalangan Pelajar IPTA

Bil	Faktor-faktor Pemilihan	Tidak Mempengaruhi		Mempengaruhi		
		1 – 4	Peratus	5	6 – 10	Peratus
1	Minat Mendalam	126	30.0%	59	235	70.0%
2	Ahli Keluarga	155	36.9%	60	205	63.1%
3	Rakan Sebaya	181	43.1%	87	152	56.9%
4	Pendedahan Subjek	170	40.5%	66	184	59.5%
5	Pengetahuan, Kemahiran Yang Ada	162	38.6%	64	194	61.4%
6	Pensyarah **	215	51.2%	52	153	48.8%
7	Usahawan Yang Telah Berjaya	116	27.6%	54	250	72.4%
8	Ingin Mendapat Kecemerlangan *	84	20.0%	46	290	80.0%
9	Berorientasikan Keuntungan *	80	19.0%	52	288	81.0%
10	Kursus Keusahawanan	191	45.5%	63	166	54.5%
11	Punca Pendapatan Yang Lumayan	91	21.7%	58	271	78.3%
12	Kerja Sampingan	131	31.2%	83	206	68.8%
13	Pengalaman Lepas	193	46.0%	71	156	54.0%
14	Latihan Amali **	211	50.2%	69	140	49.7%
15	Aktiviti Anjuran Universiti	203	48.3%	58	158	51.6%
16	Peluang Pekerjaan	107	25.5%	50	263	74.5%
17	Kebebasan	100	23.8%	48	272	76.2%
18	Pencapaian Diri	106	25.2%	52	262	74.8%
19	Kekayaan	108	25.7%		266	74.3%
20	Status	116	27.6%	52	250	72.4%
21	Hubungan Sosial	104	24.8%	66	250	75.2%
22	Jaringan Rakan	129	30.7%	55	237	69.3%
23	Pasangan Hidup	166	39.5%	81	173	60.5%
24	Ingin Berkhidmat kepada Masyarakat	105	25.0%	59	255	75.0%

*sangat mempengaruhi

**sangat tidak mempengaruhi

TAHAP CIRI KEUSAHAWANAN DALAM
KALANGAN PELAJAR IPTA

Pelajar-pelajar IPTA juga diminta menyatakan ciri keusahawanan yang ada pada diri mereka. Ciri keusahawanan yang dikaji meliputi bertenaga,

bertanggungjawab, berkeyakinan diri, berpandangan jauh, komitmen kepada kerja, kreatif dan inovatif, berani mengambil risiko dan mempunyai lokus kawalan dalaman. Secara keseluruhannya, responden yang dikaji mempunyai tahap ciri keusahawanan yang tinggi seperti bertenaga (min 4.00), bertanggungjawab (min 3.76), berkeyakinan

diri yang tinggi (min 3.90), berpandangan jauh (min 3.91), mempunyai komitmen kepada kerja yang tinggi (min 3.93), kreatif dan inovatif (min 3.81) dan mempunyai lokus kawalan dalaman (min 3.98). Manakala bagi ciri berani

mengambil risiko, ciri-ciri keusahawanan pelajar pada tahap yang sederhana (min 3.47). Ini bermakna pelajar yang dikaji kurang yakin untuk mengambil risiko yang dihadapi oleh bakal usahawan (Jadual 3).

JADUAL 3. Ciri Keusahawanan Secara Keseluruhan

Item	min	sisihan piawai
Bertenaga	4.00 (T)	0.49
Bertanggungjawab	3.76 (T)	0.47
Berkeyakinan Diri	3.90 (T)	0.51
Berpandangan Jauh	3.91 (T)	0.49
Komitmen kepada Kerja	3.93 (T)	0.46
Kreatif dan Inovatif	3.81 (T)	0.57
Berani Mengambil Risiko	3.47 (S)	0.54
Lokus Kawalan Dalaman	3.98 (T)	0.46

HUBUNGAN ANTARA MINAT TERHADAP KERJAYA KEUSAHAWANAN DAN LATAR BELAKANG RESPONDEN

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis korelasi Pearson untuk menentukan hubungan antara minat terhadap kerjaya keusahawanan dengan ciri keusahawanan, sikap terhadap

kerjaya keusahawanan, bangsa dan ahli keluarga peniaga. Pekali korelasi tersebut ditunjukkan dalam Jadual 4. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif antara minat terhadap kerjaya keusahawanan dengan ciri-ciri keusahawanan ($r = 0.487$), sikap terhadap kerjaya keusahawanan ($r = 0.636$) dan bangsa ($r = 0.143$).

JADUAL 4. Hubungan antara Minat terhadap Kerjaya Keusahawanan dengan Sikap terhadap Kerjaya Keusahawanan, Ciri Keusahawanan, Bangsa dan Ahli Keluarga Peniaga

Pembolehubah	r	p
Ciri-ciri Keusahawanan	0.487	0.000*
Sikap Terhadap Kerjaya Keusahawanan	0.636	0.000*
Bangsa	0.143	0.003*
Ahli Keluarga Peniaga	0.131	0.007*
Hubungan Antara Sikap Terhadap Kerjaya Keusahawanan dan Ciri-ciri Keusahawanan ($r=0.463$, $p= 0.000^*$)		

* signifikan pada aras 0.01

ANALISIS PERBEZAAN ANTARA MINAT TERHADAP KERJAYA KEUSAHAWANAN ANTARA PELAJAR BERLAINAN JANTINA, JURUSAN PENGAJIAN, BANGSA DAN AHLI KELUARGA PENIAGA

Jadual 5 menunjukkan hasil dapatan ujian-t dan ujian ANOVA Satu Hala untuk menentukan perbezaan antara minat terhadap kerjaya keusahawanan di antara pelajar berlainan jantina, jurusan pengajian, bangsa dan ahli keluarga peniaga. Hasil ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara minat terhadap kerjaya keusahawanan antara pelajar lelaki dan perempuan ($t = 1.774$, $p > 0.05$). Secara umumnya, dapatan ini menunjukkan bahawa faktor jantina tidak memainkan peranan penting dalam pembentukan minat terhadap kerjaya keusahawanan.

Bagaimanapun, wujud perbezaan minat terhadap kerjaya keusahawanan yang signifikan di antara pelajar berlainan jurusan pengajian ($t = -2.456$, $p < 0.05$). Secara umumnya, dapatan ini menunjukkan bahawa minat terhadap

kerjaya keusahawanan dipengaruhi oleh jurusan pengajian pelajar. Ini adalah kerana pelajar daripada jurusan bukan teknikal seperti jurusan pengajian perniagaan, ekonomi, pentadbiran perniagaan dan perakaunan adalah lebih cenderung untuk memasuki bidang yang serupa dan mirip dengan aktiviti keusahawanan berbanding pelajar daripada jurusan teknikal.

Bahagian kedua Jadual 5 menunjukkan hasil analisis ANOVA Satu Hala bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara minat terhadap kerjaya keusahawanan dan pelajar yang berlainan bangsa ($F = 2.397$, $p < 0.05$). Secara umumnya, dapatan ini menunjukkan bahawa minat terhadap kerjaya keusahawanan dipengaruhi oleh bangsa. Seterusnya, analisis ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara minat terhadap kerjaya keusahawanan dan pelajar yang mempunyai ahli keluarga peniaga dan tiada mempunyai ahli keluarga peniaga ($F = 2.397$, $p < 0.05$). Dengan lain perkataan, ahli keluarga peniaga pelajar mempengaruhi minat terhadap kerjaya keusahawanan mereka.

JADUAL 5. Analisis Perbezaan antara Minat terhadap Kerjaya Keusahawanan antara Pelajar Berlainan Jantina, Jurusan Pengajian, Bangsa dan Ahli Keluarga Peniaga

Ujian t	n	min	s.p	t	p
Jantina					
Lelaki	169	73.07	11.64	1.774	0.077
Perempuan	251	71.19	9.85		
Jurusan Pengajian					
Teknikal	139	70.15	11.44	-2.456	0.014*
Bukan Teknikal	281	72.84	10.1142		
ANOVA Satu Hala	JKD	df	MKD	F	p
Bangsa					
Antara Kumpulan	1089.712	3	363.237	3.265	0.021*
Dalam Kumpulan	462383.36	416	111.258		
Ahli Keluarga Peniaga					
Antara Kumpulan	1594.126	6	265.688	2.397	0.027*
Dalam Kumpulan	45778.922	413	110.845		

*signifikan pada aras 0.05

IMPLIKASI KAJIAN

1. Pelajar mempunyai minat yang mendalam dalam bidang keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa lebih daripada separuh pelajar jurusan bukan teknikal telah memilih kerjaya keusahawanan sebagai aspirasi kerjaya mereka. Ini memberi implikasi bahawa melalui kurikulum pendidikan keusahawanan yang diwajibkan di semua fakulti di universiti, pelajar boleh memahami dan menjiwai serta mengamalkan ilmu keusahawanan yang dipelajari dan seterusnya memilih kerjaya keusahawanan. Majoriti pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap kerjaya keusahawanan. Kesedaran tentang peranan, kepentingan dan sumbangan bidang keusahawanan kepada peningkatan ekonomi diri sendiri telah menguatkan sikap mereka terhadap kerjaya keusahawanan. Keusahawanan telah dilihat sebagai salah satu daripada jalan penyelesaian bagi masalah pengangguran siswazah berijazah terutamanya dalam zaman kesukaran mendapatkan pekerjaan pada masa kini. Oleh itu, pemupukan dan pembudayaan keusahawanan serta galakan ke arah bidang keusahawanan harus bermula dari rumah berterusan sehingga ke peringkat tertiar.
2. Majoriti pelajar dalam kajian ini mempunyai ibu bapa yang bekerja makan gaji dan selesa yang pendapatan yang diterima setiap bulan. Namun ada juga pelajar yang mempunyai ahli keluarga peniaga. Ini menunjukkan bahawa pendidikan *non formal* yang diterima dari ahli keluarga ini telah berjaya mencetuskan aspirasi terhadap kerjaya keusahawanan. Selain daripada pemupukan budaya keusahawanan dalam keluarga, pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki oleh keluarga dapat merangsang dan memotivasikan pelajar ke arah kerjaya yang sama dengan keluarga mereka.
3. Faktor pensyarah tidak mempengaruhi pemilihan pelajar ke arah kerjaya keusahawanan dan pensyarah tidak berjaya mendorong atau mencetuskan aspirasi pelajar ke arah kerjaya keusahawanan. Pensyarah lebih menguasai aspek pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan bukan aspek sikap dan nilai seperti personaliti dan tingkah laku keusahawanan yang sewajarnya. Oleh itu, orientasi teknik pengajaran keusahawanan yang sesuai dan kursus-kursus pembentukan sikap keusahawanan perlu diberikan kepada para pensyarah terlebih dahulu. Melalui kursus tersebut para pensyarah akan berupaya dan berkebolehan untuk merangsang motivasi, mengubah minda dan seterusnya mencetuskan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar.
4. Latihan amali atau latihan industri yang dijalankan oleh pelajar tidak berjaya atau berupaya mempengaruhi mereka untuk memilih kerjaya keusahawanan. Kebanyakan latihan amali lebih menitikberatkan aspek kemahiran bekerja makan gaji atau kemahiran menjadi pekerja cemerlang bukan kemahiran untuk menjadi usahawan yang berjaya. Kualiti program latihan yang berorientasikan pengalaman keusahawanan perlulah dibuat melalui latihan perubahan kognitif, nilai dan tingkah laku oleh semua pihak yang terlibat dengan program latihan yang dirancang. Kebanyakan pelajar tidak berani mengambil risiko yang berkaitan dengan keusahawanan. Walaupun mereka mempunyai minat dan bersikap positif terhadap kerjaya keusahawanan, belum tentu mereka berani untuk menceburi bidang keusahawanan. Pelajar amat takut untuk melakukan kesilapan dan menanggung risiko kegagalan.
5. Seharusnya sistem pendidikan kita perlu lebih menekankan pendekatan pemusatan pelajar bukan pemusatan guru. Melihat daripada aspek psikologi,

pelajar sememangnya mempunyai kecenderungan ke arah keusahawanan, tetapi daripada aspek kesediaan atau kemahiran praktikal tidak mencukupi untuk mereka menceburi kerjaya keusahawanan. Apa yang perlu dilakukan adalah memberi lebih banyak program latihan yang bercorak *hands on experience, know how, problem-solving* dan *action oriented*. Penyediaan kurikulum dan kokurikulum perlu bersepadu dan hendaklah merangkumi aspek kemahiran, teknikal, pengurusan, komunikasi, teknologi, ahlak dan tingkah laku serta nilai-nilai keusahawanan. Caranya adalah dengan memasukkan aspek *enterprising* ke dalam semua kurikulum pengajian di universiti supaya bersifat keusahawanan sebagaimana yang dianjurkan oleh Alan Gibbs (Mohd Amir Shariffuddin 1995).

KESIMPULAN

Kajian ini cuba mengenal pasti aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar IPTA dan menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan tersebut. Lebih daripada separuh pelajar yang dikaji menyatakan pilihan mereka untuk menjadikan keusahawanan sebagai aspirasi kerjaya. Separuh daripada pelajar Melayu daripada jurusan bukan teknikal merupakan responden yang memilih kerjaya keusahawanan. Faktor utama yang mempengaruhi mereka untuk menceburi bidang keusahawanan adalah faktor berorientasikan keuntungan dan keinginan untuk mencapai kecemerlangan dalam kehidupan bukan faktor tarikan oleh pensyarah atau latihan amali di universiti. Ciri keusahawanan bertenaga, bertanggungjawab, berkeyakinan diri, berpandangan jauh, komited kepada kerja, kreatif dan inovatif serta mempunyai lokus kawalan dalaman dalam kalangan pelajar adalah tinggi kecuali ciri berani mengambil risiko berada pada tahap sederhana. Hubungan positif wujud antara minat terhadap kerjaya keusahawanan dan ciri keusahawanan, sikap positif terhadap kerjaya keusahawanan dan pelajar berlainan bangsa. Di samping itu, wujud juga hubungan positif antara sikap terhadap kerjaya keusahawanan dan ciri keusahawanan pelajar. Walau bagaimanapun, wujud

hubungan negatif antara minat terhadap kerjaya keusahawanan dan pelajar yang mempunyai ahli keluarga peniaga. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat terhadap kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar yang berlainan jantina namun terdapat perbezaan yang signifikan antara minat terhadap kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar yang berlainan jurusan pengajian, bangsa dan pelajar yang mempunyai ahli keluarga peniaga.

RUJUKAN

- Halimah Harun. 2001. *Budaya Keusahawanan Pelajar Politeknik*. Laporan Kajian Laluan Pantas. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Hisrich, R.D. & Peters, M.P. 2000. *Entrepreneurship*. Edisi Ke 4. Boston: Irwin McGraw Hill.
- Malaysia. 1980. *Rancangan Malaysia Ketiga*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Malaysia. 1990. *Rancangan Malaysia Ketujuh*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Mohd Amir Shariffudin Hashim, Barjoyai Bardai, Rogayah Md Zain & Zulkifli Senteri. 1995. Program Usahawan Muda: Kajian keberkesanan peningkatan motivasi dan minat terhadap keusahawanan di kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan* 20: 67-83.
- Nor Aishah Buang. 2002. *Asas Keusahawanan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Rohaizat Baharun. 2002. Memperkenalkan mata pelajaran keusahawanan dalam program ijazah sarjana muda kejuruteraan dan teknikal?: Pandangan Pelajar UTM. *Skudai Post*. Unit Perhubungan Awam dan Antarabangsa, UTM.
- Tolbert. 1974. *Counseling for Career Development*. Boston: Houghton Mufflin Co.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias. 1998. *Keusahawanan dan Motivasi Diri*. Serdang: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.

Norfadhilah Nasharudin
Kementerian Pelajaran Malaysia
Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604, Putrajaya
Malaysia.